

TEKS UCAPAN
MAJLIS PELANCARAN HALA TUJU KEMENTERIAN
PERTANIAN INDUSTRI ASAS TANI: PRIORITI DAN STRATEGI
2019-2020
OLEH
YB DATO' SALAHUDDIN AYUB
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
14 FEBRUARI 2019 (KHAMIS)
MAEPS SERDANG, SELANGOR

Bismillaahirrahmaanirrahiim.

Terima kasih Saudara Pengerusi Majlis.

Yang Berhormat Tuan Sim Tze Tzin,
Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani.

Yang Berbahagia Dato' Mohd Sallehuddin Hassan,
Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Barisan Yang Berhormat,
Exco-exco Pertanian Negeri.

Yang Berbahagia Tan Sri Abdul Rahman,
Pengerusi Majlis Penasihat Pertanian Negara
Dan ahli-ahli Majlis Penasihat Pertanian Negara.

Yang Berbahagia

Naib Canselor Universiti Putra Malaysia dan

Naib Canselor Universiti Malaysia Kelantan.

Pengerusi-pengerusi dan ahli-ahli Lembaga Pengarah Agensi-
agensi Kementerian.

Pegawai-pegawai kanan Kementerian.

Rakan-rakan dari syarikat swasta, persatuan, koperasi dan NGO.

Rakan-rakan Media.

Para hadirin serta seluruh warga MOA yang dikasihi sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam
Sejahtera.

PENDAHULUAN

1. Syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah rahmat dan hidayat-Nya kita dapat sama-sama berkumpul di MAEPS ini sempena Majlis Pelancaran Hala Tuju Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani: Prioriti dan Strategi 2019 - 2020.

2. Surat yang saya terima dalam video di pembuka majlis ini tadi adalah simbolik hasrat hati petani, penternak dan nelayan yang menjadi benteng pertahanan keselamatan makanan negara kita. Berdekad lamanya, mereka inilah yang bekerja membanting tulang empat kerat malah menyabung nyawa membekalkan sumber makanan asas untuk rakyat Malaysia. Dan mereka ini jugalah yang terperangkap dalam kitaran sosio-ekonomi yang tidak berubah sekian lamanya. Andainya mereka tidak mampu lagi menanggung beban ini, apakah yang akan terjadi kepada benteng pertahanan keselamatan makanan negara?

Siapa yang bertanggungjawab mengukuhkan dan meningkatkan taraf hidup mereka jika bukan kita yang diberikan kuasa dan ilmu untuk melaksanakannya? Peringatan ini harus diinsafi bukan sahaja oleh warga Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), tetapi juga oleh semua yang hadir pada hari ini - rakyat Malaysia yang prihatin dan cintakan negara.

3. Menelusuri sejarah pertanian negara, dan mengimbau kembali sejarah MOA, banyak kejayaan yang telah dicapai oleh mereka yang terdahulu. Bermula dengan pembentukan Portfolio Pertanian dan Perhutanan pada tahun 1951 sebelum Kemerdekaan, MOA telah menyaksikan banyak perubahan struktur organisasi dan pembentukan dasar-dasar yang menjadi batu asas pembangunan sektor pertanian negara sepanjang hampir tujuh dekad lamanya.

4. Negara sudah melangkah jauh sejak Dasar Pertanian Negara Pertama dilancarkan oleh pada tahun 1984. Selepas berakhirnya Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3) pada tahun 2010, Kerajaan ketika itu telah menggubal dasar baru yang dikenali sebagai Dasar Agromakanan Negara (DAN) untuk tempoh 10 tahun sehingga 2020. Teras kepada Dasar Agromakanan Negara ini ialah transformasi industri agromakanan negara bagi mencapai tiga objektif utama iaitu menjamin keselamatan bekalan makanan, menjadikan industri agromakanan berdaya saing dan mampan, serta meningkatkan pendapatan kumpulan sasar.

5. Setelah Pakatan Harapan mengambil alih tampuk pemerintahan negara, harapan rakyat untuk melihat perubahan kepada taraf hidup mereka, menanti untuk diterjemahkan dalam perancangan baru Kerajaan dan perlaksanaannya. Biar pun Kerajaan Pakatan Harapan belum berusia setahun, kami komited untuk segera maju ke hadapan melaksanakan tanggungjawab membawa agenda perubahan ini.

6. Justeru, perkara pertama yang dilaksanakan ialah meneliti pencapaian DAN 2011-2020 dan menetapkan hala tuju dan strategi MOA bagi memastikan dasar ini dapat mencapai sasarannya. Hala Tuju ini juga seterusnya akan menjadi asas kepada penggubalan Dasar Agromakanan Negara Kedua (DAN 2.0) tidak lama lagi.

7. Sudah tiba masanya juga, Kerajaan Pakatan Harapan menilai kembali dasar negara terhadap sektor agromakanan. Untuk itu, MOA sentiasa bersedia menerajui kerjasama dengan Kementerian lain bagi memodenkan pengeluaran agromakanan demi memperkukuhkan keselamatan makanan negara.

ISU DAN CABARAN

Tuan-tuan dan Puan-Puan,

8. Dokumen Hala Tuju Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani: Prioriti dan Strategi 2019 – 2020 ini dirangka berasaskan tiga dimensi sektor agromakanan iaitu keselamatan makanan negara (*food security and safety*), pembangunan ekonomi luar bandar, serta pelaburan swasta dan perdagangan antarabangsa. Hala tuju ini juga dibuat setelah menganalisa kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman (*SWOT analysis*) Kementerian ini.

9. Kita harus bersyukur kepada Allah SWT yang telah menganugerahkan negara kita ini dengan pelbagai kekayaan sumber alam di darat dan di laut. Tanah yang subur, iklim yang sesuai, laut yang luas dan kepelbagaian khazanah biologi, menjadikan negara kita tidak putus dari sumber makanan yang pelbagai. Sebagai khalifah, kita harus memanfaatkan dan menguruskan sumber alam ini dengan sebaik-baiknya untuk rakyat.

Namun, seperti negara lain, kita terus berhadapan dengan cabaran-cabaran yang menggugat keselamatan makanan seperti perubahan iklim, ketidakstabilan harga input dan hasil pertanian, serta penyakit pada tanaman dan ternakan.

10. MOA mempunyai kekuatan dan keupayaan untuk menerajui dan mengurus industri agromakanan negara. Namun, kita harus jujur memperakui kelemahan dan kekurangan yang perlu diperbaiki.

Hadirin sekalian,

11. Statistik menunjukkan, bagi suku ketiga tahun 2018, sektor agromakanan hanya menyumbang sebanyak 3.4% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Jumlah pengeluaran bagi hampir kesemua komoditi utama tanaman, ternakan dan perikanan, juga menunjukkan penurunan yang ketara. Manakala imbalan dagangan bahan makanan bagi Januari hingga Oktober diunjurkan terus mencatat nilai defisit hampir RM 15.7 bilion.

12. Kita berhadapan dengan permasalahan kelemahan dasar yang telah memberi kesan kepada industri agromakanan negara. Barangkali kesan yang utama ialah industri agromakanan kini ketinggalan jika dibandingkan dengan industri lain, serta jika dibandingkan dengan industri agromakanan negara jiran seperti Thailand dan Vietnam.

13. Ketidakseimbangan dasar dan pelaksanaan juga menyebabkan kita tidak berupaya mengeluarkan petani dan nelayan dari belenggu kemiskinan. Selain daripada itu, tidak boleh dinafikan, berlakunya salah guna kuasa, ketirisan dan kewujudan “*rent seeker*”, yang menggagalkan usaha industri ini untuk maju dan berdaya saing. Tidak kurang juga, di sesetengah peringkat, berlakunya manipulasi statistik pengeluaran padi dan tangkapan perikanan.

14. Secara lebih khusus, contoh kelemahan dasar yang berlaku adalah penekanan yang berlebihan terhadap tahap “*Self-sufficiency Level*” (SSL). Apabila penumpuan terlalu diberikan kepada pencapaian tahap SSL, ia telah menyebabkan pola pemikiran, pendekatan dan polisi agromakanan negara lebih bersifat “*production-centric*” berbanding “*market-driven*”.

15. Dalam usaha mencapai tahap SSL yang tinggi, kita tidak peka dengan peningkatan kos input pertanian dan penanaman. Kesannya, pencapaian tahap SSL yang tinggi tidak dapat diterjemahkan kepada peningkatan pendapatan kumpulan sasaran mahupun penurunan harga untuk pengguna.

16. Baru-baru ini, telah berlaku kejatuhan harga komoditi kelapa sawit dan getah menyebabkan pendapatan pekebun kecil, terjejas dengan teruk. Menyedari hakikat ini, Kementerian akan menyahut seruan Perdana Menteri dan berusaha untuk membantu pekebun kecil mengintegrasikan tanaman industri bersama tanaman makanan (*cash crop*). Ini kerana, kestabilan harga bagi tanaman makanan lebih terjamin dan menguntungkan.

Tuan-tuan, puan-puan,

17. Memahami isu dan cabaran yang telah saya nyatakan tadi, maka untuk menanganinya, terhasillah dokumen Hala Tuju ini yang mengandungi 5 Hala Tuju. Lima Hala Tuju ini akan dicapai melalui pelaksanaan 18 strategi dan 51 inisiatif.

18. **Hala Tuju Pertama:** Memoden dan meningkatkan pengeluaran pertanian bagi menjamin kestabilan bekalan dan harga makanan negara dengan memberikan penekanan dalam subsektor padi, ruminan dan perikanan.

19. **Hala Tuju Kedua:** Merencanakan penglibatan pelaburan swasta dalam pertanian secara komersial serta meningkatkan dagangan eksport pertanian.

20. **Hala Tuju Ketiga:** Menjadikan pertanian sebagai satu sumber pendapatan yang mampan dan kukuh serta menguntungkan untuk petani, penternak, nelayan dan agropreneur muda.

21. **Hala Tuju Keempat:** Menambahbaik ekosistem industri pertanian untuk menyokong pemodenan pertanian, pelaburan sektor swasta dan aktiviti pengembangan untuk petani, penternak dan nelayan.

22. **Dan Hala Tuju Kelima:** Memperkukuh struktur organisasi jabatan dan agensi di bawah MOA untuk menambahbaik sistem penyampaian serta tadbir urus (*governance*).

Hadirin yang dihormati,

23. Izinkan saya menghuraikan dengan lebih lanjut kelima-lima hala tuju ini agar hadirin lebih jelas tentang aspirasi dan perubahan yang bakal disaksikan dalam industri agromakanan negara kita.

SUBSEKTOR PADI & BERAS

24. Saya ingin membawa hadirin untuk melihat kepada sektor padi negara, sumber makanan ruji utama rakyat Malaysia. Kajian menunjukkan bahawa 90% pengeluaran padi dihasilkan oleh pesawah yang berada di dalam kumpulan B40. Jika kita meletakkan kelangsungan sumber padi sebagai satu keselamatan negara, maka taraf hidup pesawah mesti menjadi keutamaan untuk kita bela.

25. Diantara isu dan cabaran utama sektor padi dan beras negara ialah **pertama**; tanah bendang yang semakin berkurang. Dalam tempoh 10 tahun, kita telah kehilangan kira-kira 35,000 hektar tanah sawah yang telah ditukarkan kepada kegunaan lain.

26. Yang **kedua**; Purata keluasan tanah yang dimiliki oleh seorang pesawah hanyalah 2 hektar. Tentunya saiz tanah yang kecil ini tidak “*economical*” untuk memberi pulangan pendapatan yang kukuh kepada pesawah kita. Justeru, ramai pesawah memilih untuk menjalankan aktiviti pertanian secara separuh masa dan akibatnya, gagal menghasilkan pengeluaran yang optima bagi setiap keluasan yang diusahakan.

27. **Ketiga**; Sektor ini berhadapan dengan majoriti pesawah yang sudah berumur. Menurut Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), lebih separuh daripada jumlah petani yang berada di dalam kawasan MADA adalah berusia lebih dari 60 tahun.

28. Yang **keempat**; Malaysia adalah negara pengeluar padi berkos tinggi ("*high-cost producing country*"). Buktinya, walaupun dengan subsidi yang besar, beras tempatan tidak dapat bersaing dengan beras import dari Thailand dan Vietnam dari segi harga. Perbezaan harga ini menyebabkan berlakunya penyeludupan beras ke dalam pasaran negara. Kita tidak boleh menutup mata ke atas fenomena ini kerana ianya merupakan ancaman besar kepada nasib pesawah kita.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Apakah jalan keluar bagi permasalahan ini?

Modenisasi.

29. Bagi merealisasikan pemodenan sektor padi, kita harus beralih daripada pertanian skala kecil kepada berskala besar. Justeru, Kerajaan akan menyatukan tanah sawah yang kecil dan tidak ekonomikal.

30. Kerajaan akan mengkaji model “*land consolidation*” yang terbaik untuk memastikan kepentingan keempat-empat pihak iaitu pemilik tanah, pesawah, kerajaan dan pelabur, akan terpelihara. Saya menyarankan agar usaha penyusunan dan penyatuan tanah sawah ini dilaksanakan oleh pertubuhan yang diwakili oleh pesawah sendiri iaitu Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS).

31. Akan tetapi, model ini tidak memberikan apa-apa kelebihan sekiranya ianya tidak dioptimalkan dengan amalan pertanian moden yang tentunya tidak boleh dilaksanakan sekiranya kita masih mengekalkan pertanian skala kecil. Untuk itu, saya meminta Bahagian Industri Padi dan Beras (IPB), dengan kerjasama MARDI, MADA dan KADA segera merealisasikan konsep pertanian tepat atau “*precision farming*”.

32. NAFAS perlu memastikan pengurusan sawah diberikan kepada pihak yang berkemampuan untuk melabur dan mempunyai kompetensi untuk menganjak hasil pengeluaran ke tahap yang lebih tinggi.

33. Dengan pelaksanaan model baru ini, saya percaya MOA perlu menyemak semula polisi-polisi berkaitan penggunaan input pertanian yang terpakai pada masa sekarang. Tentunya pengusaha-pengusaha pertanian skala besar menuntut kebebasan untuk membuat pilihan pemakaian input dan tidak terikat dengan penetapan Kerajaan di bawah polisi semasa.

34. Untuk itu juga, MOA perlu mengubah pemberian subsidi daripada subsidi input kepada subsidi output. Perubahan polisi ini dijangka akan dapat merancakkan perkembangan dan pertumbuhan pasaran input pertanian negara, seterusnya menggalakkan pelaburan jangka masa panjang bagi pasaran input pertanian terutamanya pasaran benih.

35. Memandangkan Malaysia adalah negara pengeluar padi berkos tinggi, pengusaha yang mengusahakan penanaman padi berskala besar (yakni tanah sawah bersaiz 10 hektar ke atas), juga harus diberikan subsidi dan insentif bagi memastikan pulangan dari pelaburan yang menarik.

SUBSEKTOR RUMINAN

Hadirin yang dirahmati sekalian,

36. Kerajaan juga perlu memberikan perhatian dalam industri penternakan terutamanya dalam pengeluaran daging lembu, kambing dan tenusu.

37. Kegagalan projek National Feedlot Corporation (NFC), tidak dinafikan telah mengakibatkan rakyat dan ramai pihak berasa sangsi dengan polisi Kerajaan untuk meningkatkan pengeluaran ruminan (iaitu daging dan tenusu) dan menaikkan tahap SSL industri pedaging. Umum juga mengetahui bahawa harga daging segar tempatan jauh lebih tinggi berbanding harga daging sejuk beku import. Perbezaan harga ini menyebabkan penggantungan kepada daging import kekal tinggi.

38. Selain dari keperluan untuk menyediakan daging dan tenusu tempatan, industri penternakan ruminan merupakan satu aktiviti ekonomi yang penting dalam pembangunan luar bandar. Kerajaan perlu mengambil langkah untuk menstabilkan harga daging tempatan dan daging import di pasaran untuk membolehkan perusahaan penternakan ruminan lebih berdaya saing dan menguntungkan.

39. Antara langkah penting yang perlu diambil adalah untuk mencari jalan keluar dari penggantungan yang terlalu besar kepada import makanan ternakan, sehingga menjadikan kos penternakan tinggi dan membebankan pengusaha. Kerajaan akan menggalakkan penyelidikan berterusan untuk memanfaatkan sumber tempatan seperti komponen kelapa sawit dan tanaman-tanaman lain yang boleh dihasilkan sebagai bahan makanan ternakan yang boleh diperolehi dengan kos yang lebih kompetitif.

40. Dan tentunya, bagi melonjakkan bekalan daging dan tenusu tempatan, Kerajaan perlu memastikan perusahaan ini juga diusahakan pada skala besar dengan melibatkan pelaburan dari pihak swasta dalam subsektor ruminan ini.

41. Justeru, MOA melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) dan Bahagian Industri Tanaman, Ternakan dan Perikanan (ITTP) sedang menyediakan Pelan Pembangunan Industri Ruminan yang merupakan salah satu inisiatif dalam hala tuju pertama. Pelan

pembangunan ini mensasarkan tahap SSL industri pedaging untuk meningkat kepada sekurang-kurangnya 30% dalam tempoh 5 tahun akan datang.

42. Di antara perkara yang akan dilaksanakan ialah mengkaji pasaran secara menyeluruh dan mendapatkan model penternakan berskala besar yang paling sesuai, menentukan polisi yang perlu diubah, infrastruktur dan fasiliti yang perlu diperbaiki dan insentif yang perlu diberi, serta menyediakan bahan makanan ternakan alternatif yang lebih kompetitif dan memastikan dasar pengimportan ternakan hidup dan daging dapat menyokong pelan pembangunan ini.

SUBSEKTOR PERIKANAN

Tuan-tuan dan puan-puan,

43. Subsektor ketiga yang menjadi tumpuan utama MOA ialah perikanan. Subsektor ini berdepan dengan pelbagai isu dan cabaran yang rumit. Di antara isu dan cabaran yang umum sudah mengetahui ialah isu kawalan ke atas pemilikan dan operasi kapal, pencerobohan kapal nelayan asing dan kebergantungan kepada pekerja warga asing. Selain daripada itu, berlaku juga ketirisan tangkapan hasil perikanan yang dikhuatiri berlaku di tengah lautan, dan kemerosotan sumber ikan disebabkan oleh aktiviti tangkapan yang tidak terkawal ("*unsustainable fishing*").

44. Pada masa yang sama, kurangnya aktiviti perniagaan dalam penghasilan produk hiliran perikanan menyebabkan kita tidak mampu mengukuhkan permintaan terhadap hasil penangkapan negara. Ini boleh menjejaskan keupayaan pasaran untuk menarik pendaratan ikan ke pelabuhan perikanan kita. Fasiliti di pusat-pusat pendaratan negara juga mesti dipastikan memenuhi keperluan kapal-kapal perikanan.

45. Isu yang besar juga ialah ketidakseimbangan harga dalam rantai bekalan ikan dimana nelayan tidak mendapat pulangan yang berpatutan manakala pengguna pula terpaksa membayar harga yang tinggi. Mengambil contoh harga ikan kembung - adakah adil jika nelayan yang menyabung nyawa di laut mendapat pulangan RM6 sekilo dan peraih serta pemborong juga mendapat RM6 sekilo? Ditambah dengan peruncit mendapat RM3 sekilo, akhirnya, pengguna perlu membayar harga ikan sebanyak RM15 sekilo.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Bagaimana kita boleh selesaikan kemelut ini?

46. Kapal-kapal perikanan negara mestilah dimiliki sepenuhnya oleh pengusaha dalam negara untuk memastikan kawalan penuh operasi perikanan oleh nelayan tempatan. Jabatan Perikanan (DOF) perlu memainkan peranan berterusan untuk memastikan kedudukan ini direalisasikan dan memperketatkan polisi dalam pemilikan kapal termasuk dalam aspek sumber pembiayaan untuk pembelian kapal. Harapan kita dengan pengukuhan kawalan ke atas kapal-kapal nelayan kita, maka kita dapat mengurangkan ketirisan pendaratan ikan ke luar negara. Dan seperti mana yang ramai sudah sedia maklum, MOA akan terus melakukan pemutihan kepada pemilikan lesen vesel penangkapan ikan yang diberikan oleh Kerajaan sebelum ini.

47. Dengan jaminan pendaratan ikan ke dalam negara, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) seharusnya berupaya meningkatkan pembangunan industri hiliran untuk menambah nilai hasil perikanan.

48. MOA akan mengkaji untuk mewujudkan “fish exchange” (atau “*online trading*”) dan stok penimbal bagi menstabilkan bekalan dan memperbaiki ketidakseimbangan harga ikan di sepanjang rantai. Sekiranya perkara ini dapat dilakukan, nelayan akan mendapat pulangan yang setimpal dan pengguna akan mendapat ikan pada harga yang lebih murah. Berbalik kepada contoh ikan kembung, nelayan boleh mendapat pulangan sehingga RM8 sekilo, pemborong dan peruncit masing-masing hanya memerlukan RM2 dan RM3 sekilo, dan pengguna hanya perlu membayar RM 13 sekilo.

Hadirin yang dihormati sekalian,

49. Hala Tuju yang pertama memberikan fokus untuk memperkuat struktur dan amalan dalam tiga subsektor yang menghasilkan sumber makanan utama negara iaitu padi, ruminan dan perikanan. Namun, pada masa yang sama, pengeluaran pertanian dalam subsektor lain tidak akan diketepikan oleh MOA.

50. MOA melalui Jabatan dan agensi-agensinya akan terus menggalakkan pengusaha pertanian dan agropreneur muda untuk menerokai konsep "*mixed-farming*" dan "*urban farming*", selain mengusahakan pertanian tanaman kontan (*cash crop*) seperti jagung manis, rock melon dan kacang tanah, serta sayur-sayuran dan buah-buahan. Kita percaya dengan amalan teknologi moden seperti fertigasi dan amalan pertanian yang tersusun, pengusaha boleh mendapat hasil yang menguntungkan walaupun diusahakan di dalam keluasan tanah yang terhad.

51. Tumpuan juga haruslah diberikan kepada penanaman tanaman bernilai tinggi ("*high-value crop*") yang mempunyai potensi pasaran premium dan eksport, seperti sorghum dan buah tin.

52. Dibawah strategi pertama Hala Tuju Ketiga, MOA akan berusaha untuk meningkatkan pendapatan pengusaha pertanian yang disebutkan tadi. Antara inisiatif yang sedang dilaksanakan ialah

Program Sumber Kekayaan Baru, Projek Pertanian Rakyat dan pemerkasaan penglibatan pengusaha dalam industri hiliran. Untuk itu, saya meminta agar FAMA memainkan peranan yang lebih signifikan untuk memastikan akses pasaran yang lebih besar bagi hasil pertanian tanaman kontan, sayur-sayuran dan buah-buahan ini.

53. Untuk mencapai tujuan ini juga, MOA dengan sokongan Agrobank bersedia untuk menyediakan pembiayaan bagi menyokong -pengusaha pertanian dengan pelbagai tawaran produk pembiayaan seperti pembiayaan mikro sebanyak RM 290 juta untuk tahun 2019. Agrobank juga menyediakan pembiayaan mesra-perniagaan dibawah konsep musharakah iaitu perkongsian risiko dan keuntungan dengan pengusaha. Pada tahun ini sahaja, Agrobank mensasarkan pertumbuhan pembiayaan sebanyak RM1.2 billion.

LANGKAH MEMPERBAIKI EKOSISTEM AGROMAKANAN NEGARA

Hadirin yang dirahmati sekalian,

54. Saya menyadari bahawa bukanlah sesuatu yang mudah untuk melaksanakan segala perancangan hala tuju yang telah direncanakan ini. Namun saya percaya, dengan sifat keberanian untuk melakukan perubahan, iltizam yang jitu, kompetensi yang tinggi dan kerjasama yang bersepadu di antara semua pihak, saya yakin Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ini akan dapat merealisasikan perubahan yang diimpikan.

55. MOA bertanggungjawab untuk menyediakan satu ekosistem yang berupaya memberi sokongan kepada semua pihak yang akan bersama-sama memastikan kejayaan hala tuju MOA seterusnya memperkukuh dan memartabatkan sektor agromakanan negara. **Justeru, saya sebagai Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, akan memastikan SEPULUH langkah penting berikut, dilaksanakan:**

56. **Pertama, Membangunkan Pengkalan Data Agromakanan Negara.** Untuk melaksanakan sebarang perancangan MOA dengan tepat dan berkesan, kita memerlukan pengkalan data bagi tujuan “*big data analytics*” untuk sektor agromakanan negara. Maklumat berdasarkan data dan analisa data raya ini sangat penting untuk menyokong proses pembentukan polisi yang lebih mantap dan pengurusan pentadbiran yang lebih cekap dan efisien, serta membantu pelabur membuat keputusan dan perancangan yang lebih tepat dalam bidang pertanian.

57. **Kedua, Bekerjasama dengan Kerajaan Negeri dan pihak berkaitan untuk membangunkan satu pelan pembangunan dan pengurusan tanah pertanian, dan mencari penyelesaian isu-isu berkaitan tanah untuk pertanian.** Selain daripada langkah "*land consolidation*" yang sudah dinyatakan, kita akan mengkaji semula bagaimana penggunaan tanah pertanian sedia ada yang dimiliki oleh petani, dapat dioptimumkan. Juga, mengkaji pelan untuk membangunkan tanah pertanian yang terbiar.

58. MOA juga akan menyelaraskan polisi-polisi yang berkaitan dengan pembangunan tanah pertanian yang banyak melibatkan perkara-perkara dibawah bidang kuasa Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan. Sehubungan dengan itu, saya ingin meminta sokongan daripada Exco-exco Kerajaan Negeri untuk memastikan perbincangan, rundingan dan langkah ke arah penyelarasan ini dapat dijalankan secara berkesan dan menyeluruh.

59. **Ketiga, Mengkaji semula polisi-polisi yang "*counter-productive*" dan merencatkan pelaksanaan perubahan yang hendak dibawa.** Polisi-polisi ini harus bersifat "mesra-pertanian", "*pro-business*", telus dan harus dilaksanakan secara konsisten sehingga ianya dapat mengubah landskap industri agromakanan negara.

60. Dasar pengimportan untuk subsektor tertentu akan diteliti dan diperbaiki. Antaranya ialah model pengurusan padi dan beras negara

baru yang bertujuan untuk mewujudkan persaingan yang sihat. Untuk makluman hadirin, model baru pengimportan beras kini berada dalam kajian akhir sebelum diluluskan oleh kabinet.

61. Selain itu, beberapa akta akan dipinda dan dibentangkan untuk memastikan ia relevan dengan perubahan dan perkembangan semasa agromakanan negara. Langkah ini adalah salah satu inisiatif dalam Hala Tuju Kelima, dimana lima rang undang-undang (RUU) iaitu RUU Biosekuriti Tumbuhan, RUU Baja, RUU Kawalan Padi dan Beras (Pindaan) dan RUU Akta Perikanan 1985 (Pindaan) akan dibentangkan di Parlimen pada tahun ini dan tahun hadapan.

62. MOA juga akan melihat kepada keperluan mewujudkan polisi-polisi baru bagi merencanakan pertumbuhan ke arah menjadikan pertanian sebagai suatu industri.

63. Kita sedia maklum, salah satu cabaran untuk menarik pelaburan dan pembiayaan dalam bidang pertanian adalah kerana risiko kredit yang tinggi. Justeru, risiko pengeluaran atau "*production risk*" seperti bencana alam, penyakit tanaman dan kerugian hasil, dan risiko harga atau "*price risk*" seperti ketidakstabilan dan campurtangan pasaran, harus ditangani sebaiknya. Oleh itu, langkah **Keempat** yang akan diambil ialah, **Membangunkan insurans tanaman atau "crop insurance"**.

64. **Kelima. Memastikan infrastruktur dan fasiliti yang disediakan oleh Kerajaan menepati piawaian dan keperluan industri.**

65. **Keenam. Mewujudkan satu unit khas pelaburan bagi memudahcara pelaburan swasta dalam sektor agromakanan.** Unit ini akan dikembangkan fungsinya untuk berperanan seperti MIDA (Malaysian Investment Development Authority) bagi bidang pertanian dan industri agromakanan negara. Penubuhan unit ini adalah salah satu inisiatif yang telah digariskan dalam Hala Tuju Kedua.

66. Seterusnya yang **Ketujuh, Melantik sebuah badan bebas untuk mengkaji dan mencadangkan pengukuhan struktur organisasi MOA.** Selaras dengan saranan Majlis Penasihat Pertanian Negara (MPPN), badan bebas ini diminta untuk mengkaji struktur yang akan membolehkan perancangan, penyelidikan, pembangunan, pemasaran dan perkhidmatan pengembangan bagi setiap komoditi, lebih fokus dan berpusat. Juga, bagi membolehkan jaringan nilai perkhidmatan diantara bahagian, jabatan dan agensi dibawah MOA, lebih bersinergi dan inklusif.

67. **Kelapan, Mengkaji model baharu untuk organisasi Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) dan Pertubuhan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT).** Usaha yang yang merupakan salah satu inisiatif dalam Hala Tuju Kelima, bertujuan untuk menambahbaik proses pembangunan kapasiti dan taraf hidup petani dan nelayan.

68. **Kesembilan. Menggembleng usaha yang bersepadu untuk menarik minat agropreneur muda dalam memodenkan industri agromakanan negara.** Kerajaan akan memberi fokus kepada pembinaan kompetensi atau “capability building” dan pengukuhan ilmu dan kemahiran bagi bagi memastikan agropreneur muda akan terus berjaya. Salah satu usaha terbaru MOA ialah penubuhan Majlis Agropreneur Muda (MAM) Kebangsaan yang akan dirasmikan tidak lama lagi. Selain itu, Syarikat GLC milik MOA, iaitu Malaysian Bioeconomy Development Corporation Sdn Bhd (BIOECONOMY) sedang menyediakan program latihan dan pembangunan yang antara lain akan memberi tumpuan kepada anak muda dan graduan.

69. **Dan Yang Kesepuluh. Membangunkan Indeks Keselamatan Makanan Negara (“Food Security Index”).** Indeks ini akan membolehkan kita menilai status dan keperluan keselamatan makanan negara dengan lebih menyeluruh dan membuat perbandingan yang lebih tepat dengan sistem global food security index yang digunapakai masa kini.

PENUTUP

Hadirin yang dikasihi sekalian,

70. Saya berharap, dokumen hala tuju yang saya lancarkan ini dapat memperjelaskan hala tuju dan strategi Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ini.

71. Saya juga ingin mengingatkan kita semua agar sentiasa mengamalkan good governance dan menjauhi rasuah dan penyalahgunaan kuasa.

72. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir pada hari ini. Kepada seluruh warga MOA, marilah kita bersama-sama melaksanakan tanggungjawab murni ini dengan penuh kompeten, berintegriti dan rendah diri. Semoga Allah SWT mempermudah perjuangan ini dan memberkati segala usaha sebagai amal jariah kita untuk bekalan di akhirat nanti.

73. Nafas petani adalah nafas saya. Keringat Petani adalah Keringat saya. Darah petani adalah darah saya.

Sekian,

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum.

Warahmatullahi Wabarakatuh.